



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN / 4 MAC 2024



Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat

TAJUK BERITA



1. CUACA 2025 PALING PANAS, HASIL PERTANIAN DIJANGKA BERKURANG - UTUSAN MALAYSIA
2. PERMUDAH PROSEDUR TINGKATKAN HASIL PADI BUKAN HANYA SALAHKAN PESAWAH - BERITA HARIAN
3. HASIL PADI 2025 MUNGKIN KURANG AKIBAT KESAN EL NINO - BERITA HARIAN
4. EL NINO BERI KESAN KEPADA PERTANIAN - SINAR HARIAN
5. PESTA ANGIN TIMUR MERIAH WALAUPUN PANAS - KOSMO
6. EL NINO TIDAK JEJAS HASIL PADI - KOSMO

Dalam Negeri

MOHAMAD Sabu (tengah) meninjau Projek Gelombang Padi Smart SBB Ala Sekincan di Kampung Gulau, Pendang, Kedah semalam. - UTUSAN / SHAHIR NOORDIN

Cuaca 2025 paling panas, hasil pertanian dijangka berkurang

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PENDANG: Hasil pertanian tempatan dijangka lebih terjejas pada tahun hadapan ekoran ramalan fenomena El Nino yang mengakibatkan cuaca paling panas berlurutan dalam tempoh panjang.

Justeru, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, negara perlu bersedia mulai sekarang berhadapan kemungkinan itu.

Katanya, kesan fenomena itu dapat dilihat ketika ini apabila pengeluaran padi negara misalnya kekal pada kadar 62 peratus menyebabkan Malaysia perlu membawa masuk 38 peratus beras import.

"Kesan El Nino ini macam-macam datang sekarang, cuaca panas melampau. Dikatakan ramalan 2025 keadaan akan paling panas, maka pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) contohnya kena bersedia menghadapi waktu itu."

"Hasil padi Malaysia masih kira-kira 62 peratus lagi, umumnya keadaan cuaca panas ini sudah berlurutan tiga tahun melibatkan hasil padi tidak memberangsangkan, pengeluaran ada tapi hasilnya pertengahan sahaja," katanya dalam sidang akbar di sini, semalam.

Mohamad sebelum itu meninjau Program Penuaian Padi Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di

Kampung Gulau di sini.

Tambah beliau, agensi pertanian seperti MARDI juga perlu mencari langkah bersesuaian bagi menghadapi jangkaan itu meliputi kaedah pembajaan, jadual tanaman dan benih pertanian baharu.

Pada masa sama, pihaknya sedang berusaha memastikan pengeluaran padi negara dapat mencapai tahap 10 tan per hektar seperti yang dicapai di Sekinchan, Selangor dan Lat Seribu di Perlis.

Kata Mohamad, bagi mencapai sasaran itu, lebih banyak kawasan tanaman baharu padi perlu dibuka seperti di Johor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.

"Di Lat 1,000 kita dapat lebih 10 tan, di Gulau kita dapat tujuh tan lebih sahaja," jelasnya.

12 Rencana Isnin, 4 Mac 2024 BII

Permudah prosedur tingkatkan hasil padi bukan hanya salahkan pesawah

• Mekanisme baharu, pelan jaringan keselamatan sosial dan penstrukturran semula harga padi boleh kurangkan kebergantungan pesawah kepada kerajaan • Cari jalan inovasi tarik minat golongan muda jadi generasi pelapis industri padi, wujudkan platform perluas jaringan petani, usahawan

**Oleh Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim
bhrenanca@bh.com.my**

Dakwaan mengaitkan kegagalan pesawah tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) penanaman padi sebagai punca utama pengurangan hasil menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat terutama pesawah.

Tidak dinafikan pesawah tergolong sebagai kumpulan rentan dan sentiasa terdedah kepada situasi mudah terancam. Rata-rata golongan ini bergantung kepada tanaman ini sebagai sumber pendapatan utama.

Pendapatan diperoleh secara bermusim turut memberi kesan kepada kesejahteraan hidup. Namun, pesawah tetap memberi komitmen dalam pengeluaran makanan negara.

Golongan ini sememangnya mempunyai tahap pendidikan rendah, tetapi kebanyakannya pesawah ditemui sudah lama bergelumang dalam tanaman ini dan ada mencécah melebihi 20 tahun dalam industri ini.

Pengalaman lama dalam mengusahakan tanaman ini, memberi kelebihan kepada pesawah untuk menguruskan selok-belok tanaman ini. Petunjuk serangan penyakit padi dapat dikesan terlebih awal dan langkah pencegahan dapat dilakukan dengan lebih cepat dan berkesan.

Pesawah dapat mendiagnosis serangan penyakit padi dan merawat berdasarkan pengetahuan dimiliki melalui pengalaman dilalui tanpa menunggu agensi berkaitan. Pada masa sama, terdapat pesawah menggunakan platform media sosial untuk menyebarkan maklumat dan pemindahan ilmu berkaitan penanaman padi kepada masyarakat.

Turut berkongsi ilmu penggunaan baja dan racun serangga bersesuaian dalam memastikan pengeluaran makanan terjamin. Fa antara inisiatif yang perlu dipuji dalam menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat khususnya dijadikan rujukan pesawah.

Pengurangan hasil pengeluaran padi tidak boleh diletakkan di atas bahu pesawah semata-mata, banyak faktor menyumbang kepada pengeluaran padi. Rantai panjang pengeluaran padi bermula daripada ketersediaan sistem pengairan sempurna hingga penjualan hasil di pintu kilang menjadi penentu utama kepada pengeluaran hasil tanaman ini.

Kelewatan penghantaran dan pengagihan bekalan input mengikut jadual ditetapkan turut memberi kesan kepada pengeluaran padi dan membuka ruang kepada pesawah menanggung kos tinggi akibat terpaksa membeli input dengan harga tinggi di pasaran.

Kegagalan penanaman padi mengikut jadual di dalam musim sepatutnya turut mengubah kitaan tanaman padi dan mendehakan tanaman ini kepada insiden di luar jangka. Tidak hairan kebanyakan petani padi tidak dapat mematuhi rice check sebagai panduan asas pengurusan tanaman pada sepenultimo disebabkan kelewatan bekalan input.

Kos pengeluaran padi semakin meningkat

selari dengan kos sara hidup menyebabkan pesawah ketika ini tidak boleh bergantung kepada tanaman padi semata-mata sebagai pendapatan utama.

Ramai pesawah berpendapat pulangan industri ini kurang menguntungkan, namun pesawah tiada pilihan dan kemahiran, selain meneruskan usaha mengerjakan sawah sebagai rutin kehidupan.

Bagi petani berskala besar mungkin dapat bertahan dalam industri ini tetapi bagaimana dengan petani berskala kecil, sudah pasti akan mendahului keperluan isi rumah terlebih dahulu berbanding keperluan tambahan tanaman padi.

Terdapat pesawah berskala kecil terpaksa melakukan kerja sampingan lain pada saat masa sama bagi menampung kelangsungan hidup. Situasi ini akan menyebabkan penumpuan kepada tanaman padi kurang diberi perhatian disebabkan kekangan masa.

Kedua-dua ini mengakibatkan segelintir petani padi berskala kecil berusaha menjual tanah sawah kepada pihak ketiga untuk dibangunkan. Secara langsung mengakibatkan penyeputan tanah pengeluaran tanaman padi.

Kesan perubahan cuaca

Perubahan cuaca turut memberi kesan kepada rantai pengeluaran tanaman ini. Peningkatan suhu dan cuaca panas berterusan turut memberi impak besar kepada tanaman ini. Tanah sawah menjadi kering kontang sehingga sukar untuk jentual melakukan penanaman memberi kesan kepada pengeluaran hasil.

Situsi ini sudah pasti menjenaskan hasil pengeluaran dan pendapatan pesawah untuk menampung keperluan asas dan harian. Tambahan pula bebanan hutang ditanggung menyebabkan pesawah melakukan pelbagai pekerjaan dalam satu masa.

Kesannya tanaman ini kurang diberi perhatian. Situasi ini memberi petanda tidak sihat yang akan mewujudkan pelbagai implikasi negatif kepada psikologi, sosial dan keselamatan pesawah.

Kekangan ini secara langsung akan mengakibatkan golongan terabit akan terus bergantung kepada kerajaan untuk tujuan kelangsungan hidup. Bagi jangka pendek, mungkin boleh dipertimbangkan bayaran pindahan bagi mengurangkan tekanan dihadapi petani berskala kecil.

Namun jangka panjang, satu mekanisme baharu dan pelan jaringan keselamatan



Nasional

Hasil padi 2025 mungkin kurang akibat kesan El Nino

MARDI diminta atasi masalah melalui kaedah pembajaan, jadual tanaman dan benih pertanian baharu

Oleh M Hifzuddin Ikhwan
hifzuddin@bh.com.my

Pendang: Keadaan suhu yang tinggi susulan fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini berkemungkinan menyebabkan hasil pertanian tempatan berkurangan pada 2025, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, kesan fenomena berkenaan dapat dilihat ketika ini apabila pengeluaran padi negara kekal pada kadar 62 peratus menyebabkan Malaysia perlu mengimport 38 peratus beras import.

Berikut itu, katanya, agensi pertanian terutama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) perlu mencari langkah mengatasi masalah berkenaan melalui kaedah pembajaan, jadual tanaman dan benih pertanian baharu.

"Fenomena El Nino ini sedang melanda negara sekarang, kesan cuaca panas melampau. Dimaklumkan ramalan pada 2025 keadaan akan paling panas, maka pihak Lembaga Kemajuan Per-



Mohamad mengangkat jerami padi pada Program Penuaan Padi Projek SMART SBB Ala Sekinchan di Kampung Gulau, Pendang semalam. (Foto BERNAMA)

tanian Muda (MADA) kena ber-sediah menghadapi waktu itu.

"Hasil padi Malaysia masih kira-kira 62 peratus lagi, umumnya keadaan cuaca panas ini sudah berlarutan selama tempoh tiga tahun membabitkan hasil padi tidak memberangsangkan, pengeluaran itu ada tapi hasilnya pertengahan sahaja," katanya pada sidang media semalam.

Beliau berkata demikian keti-

ka ditemui pada Program Penuaan Padi Projek SMART SBB Ala Sekinchan di Kampung Gulau di sini.

Yang turut hadir, Pengurus MADA, Datuk Dr Ismail Salleh; Pengurus MARDI, Dr Azman Is-

mail dan Pengurusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar.

Tambah sawah baharu

Mohamad berkata, pihaknya sedang berusaha memastikan pengeluaran padi negara dapat mencapai tahap 10 tan per hektar seperti yang dicapai di Sekinchan, Selangor dan Lat 1,000 di Perlis.

Katanya, bagi mencapai sasaran itu, kerajaan akan mengumumkan keputusan perbincangan mengenai harga beras putih tempatan pada 20 Mac akan datang selepas mendengar pandangan petani dan pemegang taruh industri pada dan beras Khamis lalu.

tan lebih sahaja. Walaupun capai matlamat, tetapi sasaran kita semua kawasan tanaman dapat keluar hasil lebih tujuh tan supaya kita boleh eksport beras.

"Untuk capai sasaran itu, maka MADA kena kaji jadual tanaman, MARDI kena kaji baja dan benih baharu yang mampu keluarkan hasil lebih banyak," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan akan mengumumkan keputusan perbincangan mengenai harga beras putih tempatan pada 20 Mac akan datang selepas mendengar pandangan petani dan pemegang taruh industri pada dan beras Khamis lalu.

6 NASIONAL
SINAR HARIAN • ISNIN 4 MAC 2024

TELUS & TULUS
Sinar
Harian
sinarharian.com.my

TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TEINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

El Nino beri kesan kepada pertanian

Agensi pertanian berkaitan disaran cari langkah bagi atasi perkara berkenaan

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
PENDANG

Fenomena El Nino yang sedang berlaku ketika ini memberikan kesan kepada hasil pertanian dan negara perlu bersedia menghadapi kesan cuaca lebih panas pada tahun 2025.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, agensi pertanian berkaitan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) disaran mencari langkah bagi mengatasi perkara berkenaan seperti kaedah pembajaan, jadual tanaman dan benih pertanian baharu.

Menurutnya, fenomena tersebut dilihat memberikan kesan apabila pengeluaran padi negara kekal pada kadar 62 peratus dan negara perlu mengimport 38 peratus beras import bagi memampung permintaan.

"Kesan cuaca panas El Nino ini macam-macam datang sekarang, kesan cuaca panas melampau. Katanya ramalan 2025 keadaan akan paling panas, maka pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) perlu bersedia menghadapi waktu itu.

"Hasil padi Malaysia masih kira-kira 62 peratus lagi, umumnya keadaan cuaca panas ini sudah berlarutan tiga tahun melibatkan hasil padi tidak memberangsangkan, pengeluaran ada, tapi hasilnya pertengahan sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas Program Penuaan Padi Projek SMART SBB Ala Sekinchan di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengerusi Mada, Datuk Dr Ismail Salleh; Pengurusi Mardi, Dr Azman Ismail dan Pengurusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar.



Mohamad (empat dari kiri) menunjukkan padi yang ditulai ketika hadir pada Program Penuaan Padi Projek SMART SBB Ala Sekinchan di Kampung Gulau, Pendang pada Ahad.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, kerajaan sedang berusaha memastikan pengeluaran padi negara dapat mencapai pada tahap 10 tan per hektar seperti yang dicapai di Sekinchan, Selangor dan Kampung Lat 1,000 di Perlis.

Katanya, lebih banyak kawasan tanaman baharu padi perlu dibuka seperti di Johor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak bagi mencapai sasaran itu.

"Di Lat 1,000 kita dapat 10

tan lebih, di Gulau kita dapat tujuh tan lebih sahaja. Walaupun capai matlamat, tapi sasaran kita semua kawasan tanaman dapat keluar hasil lebih tujuh tan agar kita boleh eksport beras.

"Untuk capai sasaran itu,

maka Mada kena kaji jadual tanaman, Mardi kena kaji baja dan benih baharu yang mampu keluarkan hasil lebih banyak," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, kerajaan

akan mengumumkan keputusan perbincangan mengenai harga beras putih tempatan pada 20 Mac depan, selepas mendengar pandangan petani dan pemegang taruh industri padi serta beras pada Khamis lalu.

Jelasnya, dalam pertemuan dianjurkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) itu, kerajaan akan berusaha memastikan semua pihak termasuk pengguna, pengilang dan petani berpuas hati.



Kosmo! ISNIN 4 MAC 2024



ORANG ramai tetap setia mengunjungi PAT 2024 walaupun cuaca panas terik di Kampung Lat Seribu, Arau semalam.

Pesta Angin Timur meriah walaupun panas

ARAU — Biarpun terpaksa berpanas di bawah terik matahari, orang ramai dari seluruh negera tidak melepaskan peluang mengunjungi Pesta Angin Timur (PAT) 2024 di Kampung Lat Seribu, di sini semalam.

Menurut pengunjung Mokhtar Ramli, 44, dari Kulim, Kedah, dia bersama enam ahli keluarganya mengambil kesempatan untuk bercuti di negeri Perlis.

"Kebetulan pula isteri berita-hu mengenai PAT 2024 yang sedang berlangsung membuatkan kami sekeluarga datang untuk bercuti kerana banyak pengisian menarik disediakan sepanjang pesta ini berlangsung."

"Apa yang saya lihat, PAT 2024 ini diadakan setahun sekali dan menunjukkan budaya petani tempatan selepas musim menuai dengan elemen moden dan tradisional," katanya ketika ditemui di sini semalam.

PAT 2024 kali ini yang berlangsung sejak kelmarin hingga hari ini adalah pesta tahunan terulung di utara yang memaparkan budaya hidup petani tempatan selain aktiviti berkaitan kehidupan golongan itu.

Pada tahun ini, PAT 2024 turut diserikan dengan segmen udara seperti terjunan udara komando VAT69, belon udara panas, paramotor dan sebagainya sebagai nilai tambah pesta tersebut.

Sementara itu, seorang lagi pengunjung Khairul Nizam Mohamad, 40, dari Seremban, Negeri Sembilan berkata, dia datang bercuti ke Perlis selain menzahirhi saudara-mara di negeri itu sempena minggu-minggu terakhir musim cuti sekolah.

"Ini adalah peluang terakhir habiskan masa berkumpul bersama keluarga sebelum tiba-tiba bulan Ramadan tidak lama lagi dan sekolah pula akan dibuka."

"Kami seramai 10 orang saudara-mara datang dari Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis hadir ke PAT 2024. Cuaca memang panas, tapi kami redah sahaja," katanya.

Tambahnya, PAT 2024 amat menarik kerana penglibatan pelbagai jabatan seperti Angkatan Tentera dan Agensi Antidadah Kebangsaan yang melakukan peranannya sebagai pendidikan.



MOHAMAD (tengah) merasmikan Projek Gelombang Padi Smart SBB Ala Sekincan di Kampung Gulau, Pendang semalam. - SHAHIR NOORDIN

MADA siap sedia hadapi cuaca panas melampau

El Nino tidak jejas hasil padi

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

PENDANG – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengarahkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk sentiasa bersedia dalam menghadapi Fenomena El Nino yang dikhawatir boleh menjepak hasil pengeluaran padi.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, persediaan semua aspek termasuk mengkaji semula jadual penanaman padi perlu dilakukan bagi memastikan hasil padi tidak terjejas akibat cuaca panas melampau.

"Katanya pada 2025 ini akan berlaku keadaan paling panas,

itu ramalan dan MADA kena bersedia menghadapi waktu itu," katanya pada sidang akbar selepas menghadiri program Gelombang Padi Penuaian Padi Projek Smart Sawah Berskala Besar (SBB) Ala Sekinchan MADA di Kampung Gulau, di sini semalam.

Kata beliau, jangkaan penge- luaran padi negara ketika ini kekal berada pada kadar sara diri (SSR) sebanyak 62 peratus.

"Walau bagaimanapun, umumnya bila saya lalu dan tengok secara mata kasar, hasil padi tahun ini kurang dengan (isu) cuaca ini sudah berlaku sejak tiga tahun lalu sehingga menyebabkan hasil padi kurang memberangsangkan.

"Hasil padi itu ada tetapi pertengahan sahaja, macam hari ini kalau tengok di Lat Seribu (Perlis) itu kita sampai 10 tan lebih (per hektar) dan di sini tujuh tan lebih. Tujuh tan itu kira dah capai matlamat kita," ujarnya.

Menurut Mohamad, eksport beras boleh dilakukan sekiranya semua kawasan penanaman padi dalam negara mampu menge- luarkan hasil tujuh tan per hektar.

"Banyak lagi kawasan di Malaysia termasuk MADA ini di bawah tujuh tan (hasil padi per hektar)," katanya.

Jelasnya, pihaknya sedang berusaha untuk membuka ka- wasan baharu penanaman padi

serta mempertingkatkan hasil di sawah sedia ada menerusi pelbagai cara termasuk penggunaan teknologi baharu, pembajaan dan pengairan.

Sementara itu, ketika ditanya berhubung hasil perbincangan libat urus mengenai harga be- ras putih pada Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Ne- gara baru-baru ini, kata beliau, kata putus mengenai perkara itu akan dibuat pada mesyuarat sama pada 20 Mac depan.

Tambahnya, harga yang ditetapkan nanti akan meng- bil kira kepentingan semua pihak iaitu pesawah, pengilang, pembo- rong, peruncit dan pengguna.